

D554

U B329 DEB

BN - PBS

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) -- Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mengadakan perjumpaan dengan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Joseph Pairin Kitingan dan Naib Presiden Parti itu, Encik Mark Koding untuk menyelamatkan +Formula Sabah+ yang bertujuan menyelesaikan krisis politik di negeri itu.

Bagaimanapun, pertemuan di pejabat Perdana Menteri itu gagal mendapat persetujuan dan sebaliknya Datuk Pairin berkeras untuk menarik balik surat permohonan partinya bagi menganggotai Barisan Nasional (BN).

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri berkata, Datuk Pairin memberitahunya bahawa PBS tidak mahu lagi menjadi anggota Barisan Nasional dan akan bertanding pada semua 48 kerusi dalam pilihan raya negeri pada 5 dan 6 Mei ini.

Datuk Pairin juga menyerahkan surat penarikan permohonan PBS untuk menyertai BN, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di Menara Datuk Onn di sini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba telahpun menerima surat penarikan itu terlebih dahulu. --
LAGI

2123MST 09 04 86

U B337 DEB

BN - PBS 2 KUALA LUMPUR

Dengan surat penarikan permohonan menjadi anggota BN yang bertariikh 7 April, BN tidak mempunyai pilihan, tetapi menerima kehendak PBS itu, katanya.

Majlis Tertinggi PBS yang bermesyuarat dua hari lalu memberi mandat kepada Datuk Pairin untuk membuat keputusan mengenai penarikan permohonan parti itu untuk menyertai BN.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata mesyuarat itu juga membincangkan permohonan daripada USNO dan empat parti lain iaitu Pasok, Parti Cina Sabah, Parti Cina Bersatu Sabah (SCCP) dan Parti Murut untuk menyertai Barisan Nasional.

Menurutnya, setelah mempertimbangkan dengan teliti permohonan daripada parti-parti itu, Barisan Nasional berpendapat tidak dapat menerima kemasukan parti-parti itu buat masa ini walaupun tidak ada tentangan.

Ditanya tentang alasan untuk tidak menerima permohonan itu, Perdana Menteri berkata, +Alasan tak ada, kita timbang... Kita tidak hendak campur tangan dalam pilihan raya di Sabah+. -- BERNAMA.

2206MST 09 04 86